# ARTIKEL PROGRAM WEBINAR
# JALUR GEMILANG : OBJEK WARISAN DI PERSADA DUNIA
# DISEDIAKAN OLEH : CAWANGAN SENI PERSEMBAHAN, BAHAGIAN WARISAN TIDAK KETARA

Pada **30 Ogos 2021,** Jabatan Warisan Negara telah menganjurkan Webinar bertajuk **"Jalur Gemilang : Objek Warisan di Persada Dunia"** bersempena dengan Program Jelajah Warisan 64 Tahun Kemerdekaan. Panel jemputan terdiri daripada **YBhg. Datuk Mohanadas Nagappan** (pendaki negara menakluki Gunung Everest), **YBhg. (Dr) Hajjah Sharifah Mazlina binti Abdul Kadir** (wanita Islam pertama melakukan polar hatrik merentasi Antartika, Kutub Utara dan Greenland) dan **Encik Foo Kok Keong** (jaguh badminton negara dan terbaik dunia) bersama moderator Puan Edylynna Hanie binti Abdul Hamid.

Jalur Gemilang merupakan objek warisan yang telah diisytihar sebagai Warisan Kebangsaan pada 6 Julai 2007 di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645]. Ia merupakan "keramat" yang membakar semangat rakyat Malaysia dalam mengharumkan nama negara tercinta di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Dengan semangat waja dan berpegang kepada prinsip "Malaysia Boleh", Jalur Gemilang berjaya dikibarkan di persada dunia.

Sehubungan itu, di dalam sesi Webinar ini, para panel jemputan telah bersama-sama memberi perkongsian berkenaan dengan penglibatan mereka dalam membawa Jalur Gemilang dan nama negara di peringkat antarabangsa sehingga dikenali di persada dunia. Selain itu, webinar ini turut menyentuh berkenaan dengan perkongsian para panel terhadap nilai menghormati Jalur Gemilang, nilai patriotisme, dan kecintaan kepada negara yang harus ditanam dan dipupuk di dalam diri setiap rakyat Malaysia tidak kira bangsa, umur dan di mana jua berada.

Rakaman penuh Webinar ini boleh ditonton semula di laman Facebook Jabatan Warisan Negara - https://www.facebook.com/Jabatanwarisannegara/videos/569452907521665/

LAMPIRAN GAMBAR




**Moderator :** Puan Edylynna Hanie binti Abdul Hamid.




` Panel I : YBhg. (Dr) Hajjah Sharifah Mazlina binti Abdul Kadir




Panel II : YBhg. Datuk Mohanadas Nagappan




**Panel III : Encik Foo Kok Keong**

Comments Done

WARISAN 64 TAHUN KEMERDEKAAN
docs.google.com

1 w Like Reply

**Ahmad Mas'ot** · Follow
'Merdeka'

Putera mahkota diami wilayah ,
Mengidam taat janji dipegang ,
Negara tercinta di bumi bertuah ,
Ku genggam erat panji gemilang .

Sisa pusaka bangsal sebuah ,
Tak lapuk di hujan tak lekang di panas ,
Bangsa merdeka kenal sejarah ,
Memupuk amalan menjulang pembebas .

Danau nan kelam suar terpadam ,
Badang meredah badan tak rebah ,
Walau diancam luar dan dalam ,
Pantang menyerah enggan dijajah .

1 w Like Reply 1 👍

**Alex C K Tan**
Thomas Cup hero 👍🏽👍🏽🙌🏽

1 w Like Reply 2 👍

**KOMENTAR PELAYAR**

**Comments** Done

**Zaida Nurani**
..Mr foo saya suka semangat Mr foo semasa piala Thomas!! Sejarah untuk malaysia

1 w Like Reply 1 👍

**Anuar Shah**
Hi Dr sharifah..Mr foo kok keong !!!! Rindu games Mr foo!

1 w Like Reply 1 👍

**Hafiza Bakri**
Selamat Pagi 🥰

1 w Like Reply 1 👍

**Fazilla Syahieza**
Such inspiring story from amazing people!! 🤧❤️❤️.terima kasih pihak penganjur❤️

1 w Like Reply 1 👍

**Hafiza Bakri**
Hebatnya !!!

1 w Like Reply

**Hafiza Bakri**
Heroes 🥰

**Comments** Done

**Fatmawati Irffa**
sayangi la jalur gembilang
1 w Like Reply 2

**Fatmawati Irffa**
terbaik Dr Sharifah Mazlina .syabas2
1 w Like Reply 1

**Foo Kok Keong**
Good
1 w Like Reply 2

**Fatmawati Irffa**
DSM wanita hebat negara
1 w Like Reply 2

**Zaida Nurani**
Tahniah jwn...dah lama X tengok figura negara
1 w Like Reply

**Zaida Nurani**
..Mr foo saya suka semangat Mr foo semasa piala Thomas!! Sejarah untuk malaysia
1 w Like Reply 1

**Wan Ros**
👍
1 w Like Reply

**Ben Jamirin**
Pautan Kuiz Warisan :
https://forms.gle/BnW8CEUCqMubQk8a9

**KUIZ WARISAN 2: JELAJAH WARISAN 64 TAHUN KEMERDEKAAN**
docs.google.com
1 w Like Reply 4

**Anuar Shah**
.
1 w Like Reply

**Zaida Nurani**
👍👍👍👍👍
1 w Like Reply

"Most relevant" is selected, so some comments may have been filtered out.